



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KOMPETENSI KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ
KOMUNITI***

RUHAIDA MOHD ARIFFIM

FPP 2016 57



KOMPETENSI KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI

Oleh

RUHAIDA BINTI MOHD ARIFFIM

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Oktober 2015

HAKCIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hakcipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

KOMPETENSI KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI

Oleh

RUHAIDA BINTI MOHD ARIFFIM

Oktober 2015

Pengerusi : Profesor Ab Rahim bin Bakar, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Latihan dan kemahiran teknikal yang disediakan kepada pelajar bagi memenuhi keperluan majikan industri merupakan tanggungjawab institusi pengajian teknikal dan vokasional. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti kompetensi kerjaya pelajar kolej komuniti dan mengenal pasti faktor yang menjurus kepada pemerolehan kompetensi kerjaya pelajar di kolej komuniti. Responden kajian terdiri daripada 356 pelajar tahun akhir dari kolej komuniti di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Data diperolehi dengan menggunakan soal selidik merangkumi profil demografi, intervensi perkembangan kerjaya serta adaptasi daripada *Career Competencies Questionnaire (CCQ)*, *Career Decision Self Efficacy Scale Short Form (CDSE-SF)* dan *Career Maturity Inventory (CMI)*. Analisis deskriptif dan inferensi yang dijalankan adalah ujian-t, ANOVA dan Pearson Product-Moment Correlation Coefficient. Hasil kajian yang diperolehi mendapati kompetensi kerjaya berada pada tahap tinggi ($M = 3.94$, $S.P. = 0.45$). Dapatan juga menunjukkan efikasi sendiri keputusan kerjaya ($M = 4.00$, $S.P. = 0.46$) berada pada tahap tinggi manakala dapatan intervensi perkembangan kerjaya ($M = 13.36$, $S.P. = 4.86$) dan kematangan kerjaya berada pada tahap sederhana ($M = 12.80$, $S.P. = 3.77$). Selain itu dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang lemah antara pencapaian akademik dengan kompetensi kerjaya ($r = -0.007$, $p > 0.05$) dan terdapat hubungan yang lemah antara kematangan kerjaya dengan kompetensi kerjaya ($r = .073$, $p > 0.05$), manakala terdapat hubungan yang sederhana antara dimensi efikasi sendiri keputusan kerjaya dengan kompetensi kerjaya. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi kompetensi kerjaya berdasarkan pemilihan bidang pengajian ($M = 4.05$, $S.P. = 0.50$; $t(354) = -2.172$, $p < 0.05$) dan minat untuk menjadi usahawan ($M = 3.78$, $S.P. = 0.54$; $t = 2.898$, $p < 0.05$). Selain itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kompetensi kerjaya berdasarkan jantina dan perancangan selepas bergaduat. Keputusan analisis ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan kompetensi kerjaya berdasarkan tahap intervensi perkembangan kerjaya ($F(2, 352) = 4.501$, $p < 0.05$). Dapatan dan keperluan kajian ini berfungsi membimbing ke

arah memantapkan perkembangan kerjaya pelajar. Golongan pelajar ini boleh dibimbing supaya dapat menyumbang kepada keperluan tenaga kerja negara.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Science

CAREER COMPETENCIES AMONG COMMUNITY COLLEGE STUDENTS

By

RUHAIDA BINTI MOHD ARIFFIM

October 2015

Chairman : Professor Ab Rahim bin Bakar, PhD
Faculty : Educational Studies

Preparing training and technical skills to students to meet the needs of employers is the responsibility of the technical and vocational education institutions is a vital. The main purpose of this study was to identify career competencies of community college students and identify the factors that lead to the acquisition of career competencies throughout their studies at the colleges. The respondents consisted of 356 final year students from community colleges in Selangor, Negeri Sembilan and Melaka. Data were obtained using questionnaires that involved the respondents' demographic profile, career development interventions and adaptation of the Career Competencies Questionnaire (CCQ), Career Decision Making Self-Efficacy Scale Short Form (CDMSE-SF) and the Career Maturity Inventory (CMI). Descriptive and inferential analyses aimed at answering the research questions were carried out using the *t*-test, ANOVA and Pearson Product-Moment Correlation Coefficient. The results obtained revealed that career competency is at a high level ($M = 3.94$, $SD = 0.45$). The findings also showed that career development interventions and career decision self-efficacy are at a high level ($M = 4.00$, $S.D. = 0.46$) while career development intervention ($M = 13.36$, $S.D. = 4.86$) career maturity ($M = 12.80$, $S.D. = 3.77$) is at a moderate level. In addition, although the study showed that academic achievement have a weak relationship with career competency, ($r = -0.007$, $p < 0.05$), there is a weak relationship between career maturity and career competencies, ($r = .073$, $p > 0.05$) and there is a moderate relationship between dimension of career decision self-efficacy and career competencies. The findings also indicated that there is a significant difference in career competencies based on the selection of the field of study ($M = 4.05$, $S.D. = 0.50$; $t(354) = -2.172$, $p < 0.05$) and interest in becoming entrepreneurs ($M = 3.78$, $S.D. = 0.54$; $t = 2.898$, $p < 0.05$). Findings also proved that gender and plans after graduation do not cause a significant difference in career competency. However, ANOVA analysis indicated that there is a difference in career competency based on the level of career development intervention ($F(2, 352) = 4.501$, $p < 0.05$). The findings of this study will

act as a guide for training and technical skill programmes to better enhance students' career development and mould them to meet the needs of the nation's labour force.



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat saya menyediakan dan menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah menghadiahkan biasiswa untuk saya melanjutkan pelajaran dan Universiti Putra Malaysia kerana membiayai sepenuhnya kajian master saya.

Saya seterusnya merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis iaitu Profesor Dr Ab Rahim Bakar. Saya amat menghargai peluang yang telah diberikan oleh beliau kerana bimbingan memohon Geran Putra, menulis artikel dan menghadiri seminar serta konferens. Seterusnya ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada Profesor Madya Datin Dr Ramlah Hamzah selaku ahli jawatankuasa. Saya amat menghargai segala pandangan, nasihat dan kritikan yang diberikan sepanjang tempoh penyeliaan tesis ini. Hanya Allah yang dapat membalas jasa kalian.

Rakaman dan penghargaan terima kasih ditujukan kepada para pensyarah dan staf di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia kerana telah banyak membantu sepanjang tempoh menyediakan dan menyiapkan tesis ini. Penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak di Jabatan Pengajian Kolej Komuniti kerana sudi memberikan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan. Seterusnya kepada rakan-rakan seperjuangan, Normala, Ajidan, Kartini, Fadhil, Redzwan dan Jinimy. Kepada semua rakan lain yang mengenali saya dan sentiasa memberi dorongan dan semangat, terima kasih diucapkan.

Kepada suami tercinta, Faizal Riza Abu Hassan terima kasih atas dorongan, nasihat, perkongsian ilmu dan kritikan yang diberikan semasa tempoh menyediakan dan menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga atas kasih sayang dan pengorbanan yang diberikan.

Kepada kedua ibu bapa saya, Mohd Ariffim Hamzah dan Rokiah Ismail, jutaan terima kasih kerana memberi restu kepada saya untuk melanjutkan pelajaran dan memahami keinginan hati ini. Kepada ibu bapa mertua, Hj Abu Hasan Ashari dan Hjh Mariana Mohd Hamzah, terima kasih kerana memahami situasi saya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada adik beradik dan ipar. Semoga kita semua dilindungi Allah SWT jua.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ab Rahim bin Bakar, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ramlah Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Ruhaida Binti Mohd Ariffim, GS36111

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Dr. Ab Rahim bin Bakar

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Ramlah Hamzah

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.2.1 Pendidikan Teknikal dan Vokasional	3
	1.2.2 Kepentingan Pendidikan Teknikal dan Vokasional	4
	1.2.3 Persediaan Kerjaya dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional	4
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Signifikan Kajian	8
	1.7 Limitasi Kajian	9
	1.8 Definisi Istilah	10
	1.8.1 Pemilihan bidang pengajian	10
	1.8.2 Perancangan selepas bergraduasi	10
	1.8.3 Minat untuk Menjadi Usahawan	10
	1.8.4 Intervensi perkembangan kerjaya	10
	1.8.5 Efikasi sendiri keputusan kerjaya	10
	1.8.6 Kematangan kerjaya	11
	1.8.7 Kompetensi kerjaya	11
2	KAJIAN LITERATUR	12
	2.1 Pengenalan	12
	2.2 Institusi Pengajian Teknikal dan Vokasional	12
	2.2.1 Kolej Komuniti	12
	2.2.2 Situasi Pelajar Kolej Komuniti Ke Arah Perkembangan Kerjaya	14
	2.3 Teori Perkembangan Kerjaya	17
	2.3.1 Teori Sosial Kognitif Kerjaya	18
	2.3.2 Teori Perkembangan Kerjaya Super	20
	2.3.3 Model Kematangan Kerjaya Crites	21
	2.4 Konsep Kompetensi Kerjaya	23
	2.4.1 Kajian-kajian Kompetensi Kerjaya di Barat	25

2.4.2	Kajian Kompetensi Kerjaya di Asia	27
2.5	Konsep Intervensi Perkembangan Kerjaya	28
2.5.1	Kajian-kajian Intervensi Perkembangan Kerjaya	29
2.5.2	Kajian Intervensi Perkembangan Kerjaya di Malaysia	32
2.6	Konsep Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya	33
2.6.1	Kajian-kajian Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya	34
2.6.2	Kajian-kajian Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya di Asia	35
2.6.3	Kajian-kajian Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya di Malaysia	36
2.7	Konsep Kematangan Kerjaya	36
2.7.1	Kajian-kajian Kematangan Kerjaya di Barat	37
2.7.2	Kajian-kajian Kematangan Kerjaya di Asia	38
2.7.3	Kajian-kajian Kematangan Kerjaya di Malaysia	39
2.8	Kajian-kajian Minat Menjadi Usahawan	39
2.9	Kerangka Konsep Kajian	41
2.10	Kesimpulan	42
3	METODOLOGI KAJIAN	43
3.1	Pengenalan	43
3.2	Rekabentuk Kajian	43
3.3	Lokasi Kajian	43
3.4	Populasi dan Persampelan	44
3.4.1	Populasi Kajian	44
3.4.2	Saiz Sampel	44
3.4.3	Kaedah Persampelan	45
3.5	Instrumen Kajian	46
3.5.1	Bahagian A: Demografi	46
3.5.2	Bahagian B: Intervensi Perkembangan Kerjaya	46
3.5.3	Bahagian C: Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya	47
3.5.4	Bahagian D: Kematangan Kerjaya	47
3.5.5	Bahagian E: Kompetensi Kerjaya	48
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	48
3.7	Kajian Rintis	50
3.8	Pengumpulan Data	51
3.9	Analisis Data	52
3.9.1	Analisis Penerokaan Data	54
3.9.2	Ujian Kenormalan	55
3.10	Kesimpulan	55
4	DAPATAN KAJIAN	56
4.1	Pengenalan	56
4.2	Dapatan Demografi	56
4.3	Kompetensi Kerjaya	60
4.4	Intervensi Perkembangan Kerjaya	62
4.5	Kematangan Kerjaya	65
4.6	Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya	68

4.7	Hubungan antara Pencapaian Akademik, Kematangan Kerjaya dan Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya dengan Kompetensi Kerjaya	70
4.8	Perbezaan kompetensi kerjaya berdasarkan jantina, kategori pemilihan bidangpengajian, minat menjadi usahawan dan perancangan selepas bergraduat.	71
4.9	Perbezaan Kompetensi Kerjaya Berdasarkan Tahap Intervensi Perkembangan Kerjaya.	72
4.10	Kesimpulan	73
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI, KESIMPULAN DAN CADANGAN	74
5.1	Pengenalan	74
5.2	Rumusan Kajian	74
5.2.1	Objektif Kajian	74
5.2.2	Metodologi Kajian	74
5.2.3	Dapatan Kajian	75
5.3	Perbincangan	76
5.4	Implikasi	87
5.5	Kesimpulan	89
5.6	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	90
	BIBLIOGRAFI	91
	LAMPIRAN	103
	BIODATA PELAJAR	144

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Dimensi Sikap dan Definisi Secara Operasional	22
3.1 Jadual Taburan Pelajar Tahun Akhir Berdasarkan Negeri	44
3.2 Ringkasan Instrumen	48
3.3 Ketekalan Dalam Skala Sikap	49
3.4 Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha	51
3.5 Penganalisan Data	54
3.6 Kepencongan Dan Kurtosis Bagi Setiap Pembolehubah Kajian	55
4.1 Profil Responden	57
4.2 Profil Pengajian di Kolej Komuniti	59
4.3 Min Dan Sisihan Piawai Kompetensi Kerjaya	61
4.4 Tahap Kompetensi Kerjaya Pelajar	62
4.5 Frekuensi Dan Peratus Responden Yang Menyertai Program Intervensi Perkembangan Kerjaya	63
4.6 Jumlah skor penyertaan intervensi perkembangan kerjaya berdasarkan jumlah responden	64
4.7 Tahap Intervensi Perkembangan Kerjaya	65
4.8 Frekuensi Dan Peratus Kematangan Kerjaya	65
4.9 Skor kematangan kerjaya berdasarkan jumlah dan peratus responden	67
4.10 Tahap Kematangan Kerjaya	68
4.11 Min Dan Sisihan Piawai berdasarkan Item dan Dimensi Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya	69
4.12 Tahap Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya	70

4.13	Analisis Hubungan Antara Pencapaian Akademik, Kematangan Kerjaya dan Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya dengan Kompetensi Kerjaya	71
4.14	Analisis Perbezaan Kompetensi Kerjaya Para Pelajar Berdasarkan Jantina, Pemilihan Bidang Pengajian, Perancangan selepas Bergraduat, dan Aspirasi Menjadi Usahawan	72
4.15	Analisis ANOVA Sehalu Perbezaan Kompetensi Kerjaya Berdasarkan Tahap Intervensi Perkembangan Kerjaya	73



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Kerangka Konseptual Kajian	42
3.1	Kaedah Persampelan	45
M1	Plot Stem-and-Leaf Bagi Intervensi Perkembangan Kerjaya	138
M2	Plot Normal Q-Q Bagi Intervensi Perkembangan Kerjaya	139
M3	Plot Stem-and-Leaf Bagi Kematangan Kerjaya	139
M4	Plot Normal Q-Q Bagi Kematangan Kerjaya	140
M5	Plot Stem-and-Leaf Bagi Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya	140
M6	Plot Normal Q-Q Bagi Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya	141
M7	Plot Stem-and-Leaf Bagi Kompetensi Kerjaya	141
M8	Plot Normal Q-Q Bagi Kompetensi Kerjaya	142

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
A	Borang Soal Selidik Kajian	103
B	Surat Memohon Kebenaran Mendapatkan Bahan Dan Menjalankan Penyelidikan/ Penulisan Ilmiah	114
C	Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian Kepada Kolej Komuniti	116
D	Kebenaran Mendapatkan Instrumen	117
E	Borang Pengesahan Instrumen	123
F	Jadual Penentuan Pemulangan Saiz Sampel Minimum Berdasarkan Saiz Populasi bagi Data Selanjar dan Data Kategori	124
G	Surat Lantikan Sebagai Pegawai Mentadbir Soal Selidik	125
H	Analisis Realibiliti	127
I	Analisis Penerokaan Data	138
J	Penghantaran Artikel	143

SENARAI SINGKATAN

ADTEC	Pusat Latihan dan Teknologi Lanjutan
APD	Analisis Penerokaan Data
BPP	Bahagian Pembangunan Pelajar
CCI	<i>Career Competencies Indicator</i>
CCQ	<i>Career Competencies Questionnaire</i>
CDSE	<i>Career Decision Self Efficacy</i>
CDSE-SF	<i>Career Decision Self Efficacy-Short Form</i>
CMI	<i>Career Maturity Inventory</i>
CMI-R	<i>Career Maturity Inventory-Revised</i>
ETP	<i>Economic Transformation Program</i>
HPNM	Himpunan Purata Nilai Mata
ILP	Institut Latihan Perindustrian
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
IKM	Institut Kemahiran Mara
IKTBN	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JMTI	Institut Teknikal Jepun Malaysia
JPKK	Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KPIAT	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPUK	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
KSM	Kementerian Sumber Manusia

KV	Kolej Vokasional
M	Min, Mean
MBE	Model Ekonomi Baru
MPEN	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
NKEA	National Key Economic Area
PNK	Pendapatan Negara Kasar
PTV	Pendidikan Teknikal dan Vokasional
SCCT	Social Cognitive Career Theory
SD	Standard Deviation
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMT	Sekolah Menengah Teknik
SP	Sisihan Piawai
SPSS	Statistical Package for Social Science
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kolej Komuniti ditubuhkan bertujuan untuk menjadi institusi pendidikan teknikal dan vokasional yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah. Bagi memenuhi tujuan tersebut, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM 3.7 bilion dalam usaha melatih bakal-bakal graduan di institusi Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) (Kementerian Kewangan, 2013). Walaupun peruntukan yang besar telah disalurkan kepada Kolej Komuniti, namun graduan yang dihasilkan oleh Kolej Komuniti masih belum dapat memenuhi sepenuhnya keperluan majikan industri. Ini kerana majikan industri telah memberikan penilaian tahap sederhana bagi aspek penyelesaian masalah dan membuat keputusan, perancangan kerja dan inovasi yang dimiliki oleh graduan (Abd Hair, Izzurazlia, Mohd Yusof, Zaimah & Novel, 2013).

Kajian oleh Meijers, Kuijpers dan Gundy, (2013) mendapati majikan mempunyai keraguan terhadap pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki graduan kerana graduan sukar bertahan lama dalam pasaran pekerjaan walaupun cemerlang dalam akademik. Kajian oleh Akkermans, Schaufeli, Brenninkmeijer dan Blonk, (2013) mendapati kompetensi kerjaya memainkan peranan dalam permintaan pekerjaan yang boleh menjamin ketahanan dalam industri. Dari segi ciri-ciri kemahiran terbaik yang dikehendaki oleh majikan industri terhadap para pekerjaanya pula, kajian mendapati empat ciri kemahiran terbaik pekerja yang diperlukan oleh majikan industri mengikut keutamaan iaitu, menunjukkan minat dalam kerja, menetapi masa, cekap dalam melaksanakan tugas dan bersungguh-sungguh dalam bidang kerjaya (Ahmad Rizal, Aziz, Mustafa & Yahya, 2009).

Oleh yang demikian sistem pengajian dalam bidang PTV mempunyai peranan yang kritikal dalam memenuhi keperluan industri, iaitu sebagai tulang belakang dan juga peneraju kepada penyediaan dan pembekalan tenaga kerja. Sistem pengajian dalam bidang PTV meliputi institusi pengajian, pentadbiran, kurikulum, infrastruktur, tenaga pengajar, dan para pelajar. Oleh yang demikian, kejayaan bidang PTV dalam menempatkan para graduan dalam pasaran pekerjaan boleh menjadi kayu pengukur kepada proses pembangunan dan transformasi ekonomi negara (Baqadir, Patrick, & Burns, 2011; Mouzakitis, 2010).

1.2 Latar Belakang Kajian

Model Ekonomi Baru (MEB) dalam Rancangan Malaysia ke-10 telah bertujuan untuk menjadikan Malaysia dari sebuah negara berpendapatan sederhana kepada sebuah negara maju menjelang wawasan 2020 (Majlis Penasihat Ekonomi Negara, 2010).

Wawasan 2020 yang telah sekian lama dijadikan matlamat kejayaan setiap rakyat hampir tidak mustahil untuk direalisasikan. Antara penyumbang utama kepada kejayaan negara adalah dengan memiliki rakyat yang berilmu, bekerja, berkemahiran, dan berdaya saing (Fazlinda, 2013). Selaras dengan matlamat Malaysia untuk mencapai status negara maju menjelang wawasan 2020 PTV menjadi agenda penting bagi menjana kemajuan ekonomi negara (Azila, Rohana & Amirmuddin, 2011).

Menjelang tahun 2020, bidang NKEA dilaporkan mensasarkan sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan kepada setiap individu yang memiliki kelulusan dalam pelbagai tahap pendidikan. Sebanyak 1.5 juta peluang pekerjaan ataupun 46% memerlukan para graduan yang memiliki kelulusan dalam bidang PTV. Peluang-peluang pekerjaan untuk para graduan yang memiliki kelulusan dalam bidang PTV dalam kalangan lulusan diploma adalah seramai 0.73 juta orang (22%), manakala lulusan sijil pula adalah seramai 0.79 juta orang (24%) (Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Bagi memastikan keseimbangan sasaran tenaga kerja di Malaysia menjelang tahun 2020 dipenuhi, maka bidang PTV yang disediakan oleh kerajaan perlu ditingkatkan dari aspek kualiti latihan dan kemahiran. Kekurangan modal insan yang berkemahiran akan menghalang transformasi negara ke arah status ekonomi berpendapatan tinggi. Kebergantungan yang tinggi pada para pekerja asing tidak mahir yang bergaji rendah telah mengurangkan kadar upah dan melambatkan syarikat-syarikat besar tempatan beralih kepada aktiviti bernilai tambah yang tinggi serta menyumbang kepada pengaliran keluar berterusan modal insan tempatan. Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia telah membuat pelaburan yang besar dalam pembangunan modal insan melalui bidang PTV untuk para pelajar lepasan sekolah menengah dan tertiar demi merealisasikan sasaran kerajaan (Kementerian Kewangan, 2013).

Dapatan kajian daripada kajian lepas yang dilakukan oleh McKeown dan Lindorff (2011) di Australia menunjukkan bahawa para graduan dalam bidang PTV mempunyai persepsi bahawa apabila mereka telah mengikuti sesuatu program pengajian, maka secara automatiknya mereka telah mempunyai peluang pekerjaan yang cerah sebaik sahaja bergraduat. Ini bermakna, para graduan telah mempunyai persepsi bahawa mereka perlu melengkapkan diri dengan secukupnya dengan program pengajian, namun tidak mementingkan keperluan untuk melengkapkan diri dengan program perkembangan kerjaya. Kajian lepas yang dilakukan di China oleh Velde (2009) mendapati bahawa tekanan ekonomi yang pesat membangun di China telah menyebabkan kerajaan China mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan para graduan dalam bidang PTV yang dihasilkan berupaya memenuhi penawaran pekerjaan dalam negara. Ini bermakna bidang PTV mempunyai peranan dan cabaran yang besar dalam menyediakan bakal graduan kepada keperluan majikan dan industri. Kesimpulannya, bakal graduan perlu mempunyai fokus kepada persediaan menghadapi alam pekerjaan supaya keperluan majikan dan industri dapat dipenuhi.

1.2.1 Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Bidang PTV merupakan satu kurikulum yang direka khas bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan pendidikan dan kemahiran kerja supaya membolehkan mereka memasuki alam pekerjaan sebaik sahaja tamat pengajian (Conroy, 1998; Lynch, 2000). Ini bermakna PTV merupakan satu bidang pendidikan yang menjurus kepada penyediaan kemahiran yang boleh digunakan dengan segera dalam pasaran pekerjaan kerana menekankan terhadap hubungan pendidikan dengan kerjaya. Di Malaysia, PTV telah lama diperkenalkan sebelum merdeka (Sufean, 1996). Penambahan bekalan modal insan berkemahiran di Malaysia dapat dilaksanakan melalui penyediaan PTV yang berkualiti kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan dan keupayaan dalam bidang teknikal dan vokasional.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), kerajaan berhasrat memastikan sistem penyampaian pendidikan dan latihan diperluas dan dipertingkatkan terutamanya dalam bidang PTV. Oleh yang demikian, PTV telah berhasrat untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan supaya graduan yang dihasilkan berupaya untuk bersaing dalam pasaran industri. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, kerajaan berhasrat menambah enrolmen dalam PTV dan meningkatkan kualiti latihan dan kemahiran supaya PTV menjurus kepada penyediaan kemahiran yang boleh digunakan dengan segera dalam pasaran pekerjaan (Kerajaan Malaysia, 2010).

Perlaksanaan PTV secara holistik merangkumi pemerolehan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek termasuk keupayaan keusahawanan dan pengetahuan sains dan teknologi (S&T) serta memiliki sikap, nilai dan etika positif dan progresif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat. Keupayaan individu perlu diperkukuh supaya modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan inovatif bagi memacu ekonomi berasaskan pengetahuan berjaya dibangunkan. Kemahiran juga adalah satu perkara yang sangat penting bagi pelajar untuk menceburi kerjaya dalam bidang industri. Apabila seseorang itu mempunyai kemahiran, beliau mudah untuk mendapatkan pekerjaan. Seseorang yang mempunyai kemahiran berpeluang menunjukkan kemahiran serta bakat yang mereka ada (Yahya & Nor Akmal, 2011).

Struktur guna tenaga mengikut kumpulan pekerjaan utama menunjukkan pertambahan permintaan terhadap sumber manusia berkompentensi tinggi. Dengan peningkatan persaingan di pasaran global, ekonomi akan terus diperkukuh dengan meningkatkan daya saing dan menerokai sumber pertumbuhan baru (Unit Perancang Ekonomi, 2006). Selain itu, PTV juga mengamalkan kemahiran-kemahiran yang boleh diguna pakai dalam kehidupan seharian dalam mencorak pendidikan sepanjang hayat (Azila Dason et al., 2011). Oleh yang demikian PTV merupakan sebuah bidang pengajian yang penting dalam menyediakan latihan dan kemahiran para graduan sebelum memasuki alam pekerjaan.

1.2.2 Kepentingan Pendidikan Teknikal dan Vokasional Ke Arah Pekerjaan

Secara umumnya objektif sistem PTV adalah melatih individu untuk pekerjaan dan mendedahkan mereka kepada suasana pekerjaan semasa peringkat pengajian lagi (Normah, 2013). Selain itu, PTV juga berperanan sebagai satu sistem alternatif bagi menyediakan latihan pendidikan bercorak kemahiran pra-vokasional dalam usaha untuk menyediakan individu memenuhi pasaran pekerjaan masa hadapan (Irwan, 2009). PTV juga bertujuan untuk memastikan pendidikan yang diterima memenuhi permintaan pembangunan ekonomi semasa, seiring dengan perubahan teknologi dan keperluan pasaran, mempunyai nilai kebolehan pasaran dalam industri dan persediaan untuk menempatkan diri dalam bidang kerjaya (Arasimah, Ab.Rahim, Ramlah & Soaib, 2011).

PTV menyediakan pendidikan dan latihan dalam satu bidang kemahiran secara khusus bagi sesuatu bidang pekerjaan. Secara keseluruhannya, semua bidang pekerjaan berinteraksi serentak dengan sosial, ekonomi dan faktor persekitaran (Abdullah, 2010). Selain itu, Abdullah (2011) juga menjelaskan bahawa PTV menjadi peranan sebagai enjin perubahan kepada taraf ekonomi dan status sosial masyarakat. Ini bermakna objektif PTV melalui institusi-institusi PTV seperti kolej vokasional, kolej komuniti, politeknik, institusi latihan kemahiran bukan sahaja melatih dan menyediakan kemahiran dalam suatu bidang kemahiran tetapi turut bertanggungjawab untuk menghubungkan keperluan sosial dan penambahbaikan sosial. Melalui sistem pendidikan yang sentiasa ditambahbaik, PTV berupaya menjadi penyumbang utama untuk melahirkan individu yang kreatif (Normah, 2013).

Selain tu, PTV diperakui dan telah diterima secara signifikan sebagai tunjang kepada pembangunan modal insan negara secara produktif dan kompetitif seterusnya dapat memperkembangkan sektor ekonomi negara (Breton, 2013; Mohd Fauzi & Mohd Khairul Naim, 2012). Modal insan adalah ciri-ciri yang dimiliki oleh pekerja yang menyebabkan mereka lebih produktif dalam alam kerjaya. Sifat-sifat yang ada dalam modal insan ini perlu dilabur kerana sifat-sifat ini tidak boleh berpindah dari individu kepada individu yang lain. Kesimpulannya, PTV merupakan bidang pengajian yang berupaya untuk memberikan persediaan kerjaya kepada bakal graduan. Seharusnya, persediaan kerjaya kepada bakal graduan perlu seiring dengan keperluan majikan industri.

1.2.3 Persediaan Kerjaya dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional.

Para pelajar lepasan menengah yang melanjutkan pengajian dalam PTV mempunyai pilihan untuk melanjutkan pengajian dalam peringkat sijil, diploma, ijazah atau ijazah lanjutan. Justeru itu, para pelajar perlu mempersiapkan diri kepada bidang kerjaya bagi melahirkan pekerja yang mahir dan separuh mahir apabila mereka tamat pengajian kelak (Canning, 2013). Untuk melahirkan pekerja yang mahir dan separuh mahir, para pelajar perlu mengenal pasti kemahiran yang dimiliki dan diperlukan oleh majikan industri untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap mereka kepada industri supaya mereka berupaya berdepan dengan pelbagai cabaran contohnya

menyelesaikan masalah secara proaktif dan melibatkan diri secara aktif dalam industri. *The National Graduate Employability Blueprint* menekankan bahawa kemahiran membuat keputusan perlu dimiliki oleh bakal graduan untuk memasuki alam pekerjaan (Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Namun begitu terdapat cabaran-cabaran ke arah persediaan kerjaya dalam bidang PTV.

Antara cabaran-cabaran ke arah persediaan kerjaya dalam bidang PTV ialah melengkapkan pelajar kepada proses persediaan ke arah kerjaya yang merupakan satu proses yang berlaku sepanjang hayat individu ini melibatkan pengalaman peribadi dalam psikologi, sosiologi, pendidikan, fizikal, ekonomi dan peluang yang diperolehi yang mempengaruhi pembentukan kerjaya individu. Menurut Lent, Brown dan Hackett, (1994), persediaan ke arah kerjaya melibatkan pembentukan dan penjelasan minat terhadap kerjaya yang relevan; pemilihan bidang akademik berasaskan pilihan kerjaya; dan pencapaian dan ketekunan ke arah pendidikan dan pekerjaan. Justeru, persediaan ke arah kerjaya merupakan satu proses yang perlu dilalui oleh setiap pelajar dalam bidang PTV. Setiap pelajar perlu bersedia melengkapkan diri dengan perubahan iaitu fasa dalam pengajian kepada fasa perubahan iaitu fasa memasuki alam pekerjaan. Oleh yang demikian, perubahan yang begitu cepat dan dinamik dalam pekerjaan menuntut setiap pelajar agar bertanggungjawab terhadap perkembangan kerjaya mereka.

Bagi memenuhi cabaran persediaan ke arah kerjaya pelajar perlu menambahkan pengetahuan dan memperbaiki kemahiran demi membantu individu mewujudkan pelan kerjaya. Persediaan ke arah kerjaya meliputi elemen-elemen perkembangan kerjaya yang perlu dibangunkan dan dibentuk oleh setiap pelajar. Antara elemen-elemen perkembangan kerjaya adalah kompetensi kerjaya. Kompetensi kerjaya merujuk kepada elemen-elemen pengetahuan, kemahiran dan keupayaan individu dalam melengkapkan diri untuk persediaan pasaran pekerjaan (Akkermans et al., 2013). Selain itu, kompetensi kerjaya didefinisikan sebagai kompetensi peribadi yang dimiliki oleh individu bersesuaian dengan kehendak dan matlamat dalam organisasi pekerjaan (Arthur, Claman, & Defillippi, 1995). Oleh kerana pelajar perlu membuat persediaan kerjaya, kompetensi kerjaya didapati penting kerana kompetensi kerjaya dapat memberikan kemudahan pengurusan kerjaya (Defillippi & Arthur, 1994), mengenalpasti masalah yang dialami oleh para pelajar yang bakal memasuki alam pekerjaan (Akkermans et al., 2013), memberi bimbingan sendiri untuk mencapai kemajuan kerjaya (Kuijpers, Schyns, & Scheerens, 2006) dan menjadi kesinambungan pembangunan kerjaya (Akkermans et al., 2013; Beheshtifar, 2011; Colakoglu, 2011; Haase, 2007; Meijers, Kuijpers & Gundy, 2013).

Kajian mendapati majikan mempunyai keraguan terhadap kompetensi kerjaya yang dimiliki oleh graduan (Leili Jin et al., 2009; Meijers et al., 2013). Walaupun graduan yang memiliki pencapaian akademik yang cemerlang namun didapati graduan masih mempunyai tahap kompetensi kerjaya yang masih rendah (Meijers et al., 2013). Selain itu, graduan yang kurang berpengalaman dari aspek interpersonal seperti interaksi telah memberi kesan kepada kerja berpasukan, kepuasan kerja dan persekitaran kerja, menyebabkan mereka tidak boleh bertahan lama dalam industri (Akkermans et al.,

2013). Kesukaran untuk bertahan lama dalam kerjaya didapati kerana terdapat kualiti dan prestasi kerja graduan lulusan kolej komuniti yang berada pada tahap sederhana bagi aspek penyelesaian masalah dan membuat keputusan, perancangan kerja dan kemahiran berfikir serta inovasi (Abd Hair et al., 2013). Selain itu, graduan juga tidak mempunyai pengetahuan tentang produktiviti (gaji) (Abd Hair et al., 2013). Ini kerana dalam kajian Abd Hair et al. (2013) telah mendapati terdapat hubungan dan pengaruh yang signifikan antara kualiti graduan dengan produktiviti (gaji) kecuali bagi kelayakan akademik dan tempoh perkhidmatan.

Selain itu, kajian juga mendapati terdapat ketidaksepadanan pekerjaan graduan dengan keperluan industri (de Guzman & Choi, 2013). Ketidaksepadanan disebabkan oleh graduan memilih kerjaya yang tidak sepadan dengan pengkhususan yang diikuti semasa di institusi pengajian. Oleh yang demikian, aktiviti untuk mengukuhkan tahap keupayaan individu menangani tugas yang berkaitan dengan kompetensi kerjaya perlu dijalankan kepada pelajar. Menurut Niles dan Bowsbeg (2002), intervensi perkembangan kerjaya merujuk kepada penyertaan sebarang aktiviti yang dijalankan yang bertujuan untuk mengukuhkan tahap keupayaan individu menangani tugas yang berkaitan dengan kerjaya. Selain itu, intervensi perkembangan kerjaya juga dijalankan untuk meningkatkan kesedaran diri, kesedaran pekerjaan, belajar untuk membuat keputusan kerjaya, kemahiran mencari pekerjaan, menangani tekanan kerja, menyesuaikan dan melaksanakan tugas selepas keputusan kerjaya dibuat, dan kemahiran menyelesaikan masalah (Hirschi, Niles, & Akos, 2011; Niles & Bowsbeg, 2002).

Super (1980) telah mendefinisikan kematangan kerjaya sebagai keadaan yang dialami oleh individu bermula dari peringkat penerokaan hinggalah ke peringkat penurunan kerjaya. Kematangan kerjaya merupakan tahap individu mempamerkan tingkah laku dan pilihan kerjaya yang bersesuaian dengan peringkat umur individu itu sendiri. Justeru itu, pelajar dalam bidang PTV perlu mempunyai kematangan kerjaya supaya mereka mampu mempamerkan tingkah laku dan berupaya membuat pilihan kerjaya yang tepat bersesuaian dengan dengan keupayaan, minat, dan kecenderungan pilihan kerjaya (Yon, Choi, & Goh, 2012). Namun begitu, pelajar perlu mempunyai tahap keyakinan dalam membuat tugas yang berkaitan dengan kerjaya. Oleh yang demikian, sebagai persediaan kerjaya pelajar bidang PTV, mereka perlu melengkapi diri dengan efikasi sendiri keputusan kerjaya. Menurut Betz, Klein dan Taylor (1996), efikasi sendiri keputusan kerjaya merujuk kepada tahap keyakinan individu untuk membuat tugas yang berkaitan dengan keputusan kerjaya. Tahap keyakinan individu berdasarkan lima dimensi yang berbeza yang diukur oleh *Career Decision-Making Self-Efficacy Scale-Short Form* (CDSE-SF). Lima dimensi CDSE-SF tersebut ialah *self-appraisal* (penilaian sendiri), *occupational information* (maklumat pekerjaan), *goal selection* (pilihan matlamat), *career planning* (perancangan kerjaya), dan *problem solving* (penyelesaian masalah).

Berdasarkan isu-isu yang timbul tentang persediaan kerjaya dalam bidang PTV, maka satu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti isu-isu yang timbul tersebut. Kajian tersebut perlu merangkumi elemen-elemen seperti kompetensi kerjaya, intervensi

perkembangan kerjaya, kematangan kerjaya dan efikasi sendiri keputusan kerjaya yang perlu ada dalam diri pelajar. Kurangnya pendedahan terhadap pengetahuan dan kefahaman ke arah persediaan kerjaya boleh menyebabkan para pelajar terlepas peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang PTV. Kesimpulannya, pendedahan dan kefahaman ke arah persediaan kerjaya yang baik memberi peluang pelajar bidang PTV selepas menamatkan pengajian untuk mendapatkan pekerjaan adalah lebih baik.

1.3 Pernyataan Masalah

Menjelang tahun 2020, kerajaan Malaysia dalam bidang NKEA menyasarkan untuk menawarkan sebanyak 3.3 juta pekerjaan kepada para graduan. Berdasarkan sasaran 3.3 juta pekerjaan tersebut, sebanyak 46%, iaitu 1.5 juta pekerjaan ditawarkan kepada graduan yang mempunyai latar belakang dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional. Berdasarkan 1.5 juta pekerjaan tersebut, para graduan sijil diperlukan untuk memenuhi tawaran 0.79 juta pekerjaan (24%), manakala para graduan diploma pula untuk memenuhi tawaran 0.73 juta pekerjaan (22%) (Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Pada tahun 2010, kolej komuniti telah mengeluarkan sejumlah 7 460 orang graduan. 7 060 orang (94.6%) graduan adalah lulusan sijil manakala selebihnya 400 orang (5.4%) adalah graduan lulusan diploma (Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, 2010). Namun begitu, Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti pada tahun 2010 telah melibatkan sejumlah 6 517 orang graduan mendapati sejumlah 3 444 orang graduan (52.8%) berstatus bekerja, 2 370 orang graduan (36.4%) tidak bekerja, 463 orang (7.1%) melanjutkan pengajian, 184 orang (2.8%) menunggu kerja dan 56 orang (0.95%) sedang membina kemahiran (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, 2010). Dapatan daripada Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti tersebut perlu dikaji untuk mengenalpasti kompetensi kerjaya yang dimiliki oleh bakal graduan kolej komuniti.

Oleh itu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti tahap kompetensi kerjaya pelajar kolej komuniti, seterusnya tahap intervensi perkembangan kerjaya, tahap efikasi sendiri keputusan kerjaya dan tahap kematangan kerjaya. Selain itu, kompetensi kerjaya yang melibatkan hubungan dengan kematangan kerjaya dan pencapaian akademik serta efikasi sendiri keputusan kerjaya perlu dikaji. Perbezaan kompetensi berdasarkan jantina, pemilihan bidang pengajian, perancangan selepas bergraduasi, minat menjadi usahawan dan tahap kematangan kerjaya juga perlu dikaji. Ini kerana kolej komuniti merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang melahirkan pelajar berkemahiran untuk memenuhi sebahagian keperluan tenaga kerja negara.

1.4 Objektif Kajian

Objektif am dalam kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kompetensi kerjaya pelajar kolej komuniti dan mengenal pasti faktor yang menjurus kepada pemerolehan kompetensi kerjaya dalam kalangan pelajar kolej komuniti.

Objektif khusus dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Menentukan:
 - a) kompetensi kerjaya pelajar kolej komuniti.
 - b) intervensi perkembangan kerjaya pelajar kolej komuniti.
 - c) kematangan kerjaya pelajar kolej komuniti.
 - d) efikasi sendiri keputusan kerjaya pelajar kolej komuniti.
2. Menentukan hubungan pencapaian akademik dengan kompetensi kerjaya.
3. Menentukan hubungan kematangan kerjaya dengan kompetensi kerjaya.
4. Menentukan hubungan dimensi efikasi sendiri keputusan kerjaya dengan kompetensi kerjaya.
5. Menentukan perbezaan kompetensi kerjaya berdasarkan profil demografi responden (jantina, pemilihan bidang pengajian, perancangan selepas menamatkan pengajian dan aspirasi menjadi usahawan).
6. Menentukan perbezaan kompetensi kerjaya berdasarkan tahap intervensi perkembangan kerjaya.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti kompetensi kerjaya para pelajar dan apakah faktor yang menjurus kepada pemerolehan kompetensi kerjaya. Berikut merupakan antara persoalan kajian:

1. Apakah:
